



06 JUN, 2022

Karnival Malaysia di Delhi rai 65 tahun hubungan diplomatik dengan India

Utusan Borneo Sabah, Malaysia

Page 1 of 2

Karnival Malaysia di Delhi rai 65 tahun hubungan diplomatik dengan India

NEWDELHI: Malaysia menganjurkan festival makanan dan budaya di New Delhi pada petang Sabtu untuk meraikan 65 tahun hubungan diplomatik dengan India.

Merasmikan acara itu di Suruhanjaya Tinggi Malaysia, Menteri Hal Ehwal Luar India Rajkumar Ranjan Singh berkongsi ikatan sejarah yang erat dan hubungan ekonomi yang semakin meningkat antara kedua-dua negara.

Singh berkata, India mengiktiraf Malaysia sebagai rakan kongsi penting di Asia Tenggara dan menekankan

hubungan dua hala kedua-dua negara dalam pelbagai bentuk.

Para tetamu termasuk ramai ahli komuniti diplomatik New Delhi, ketua misi ASEAN dan pegawai Kementerian luar India.

Karnival Malaysia itu turut dihadiri kira-kira 2,000 pengunjung untuk menyaksikan persembahan kebudayaan dan menikmati pelbagai jenis masakan Malaysia serta buah-buahan tropika.

Kementerian Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan Malaysia membawakan rom-

bongan kebudayaan untuk membuat persembahan pada acara itu, yang juga menjadi daya tarikan pameran selain produk Malaysia.

Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) menghantar 800kg buah-buahan tropika, manakala Kraftangan Malaysia menyediakan pelbagai produk batik untuk dipamerkan.

Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke India Datuk Hidayat Abdul Hamid memberitahu para tetamu bahawa Malaysia kini dibuka untuk pelancong dan pengembara

antarabangsa.

“Karnival Malaysia adalah untuk mengingatkan rakan-rakan kita di India apa yang anda semua tidak dapat nikmati dalam tempoh dua tahun ini,” katanya.

Syarikat Malaysia yang beroperasi di India mempamerkan produk dan perkhidmatan mereka pada acara itu manakala Perwakilan, kumpulan wanita Malaysia termasuk pasangan pegawai misi diplomatik, membantu dalam menyediakan dan mempersembahkan hidangan asli Malaysia. — Bernama



06 JUN, 2022

Karnival Malaysia di Delhi rai 65 tahun hubungan diplomatik dengan India

Utusan Borneo Sabah, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

NEWDELHI: Malaysiamenganjurkan festival makanan dan budaya di New Delhi pada petang Sabtu untuk meraikan 65 tahunhubungan diplomatik dengan India. Merasmikan acara itu di Suruhanjaya Tinggi Malaysia, Menteri Hal Ehwal Luar India Rajkumar Ranj an Singh berkongsiika tan sejarah yang erat dan hubungan ekonomi yang semakin meningkat antara kedua-dua negara.Singh berkata, India mengiktiraf Malaysia sebagai rakan kongsi penting di Asia Tenggara dan menekankan

hubungan dua hala keduadua negara dalam pelbagai bentuk.